

جورنال كفاھمان اهل السنة والجماعة

JURNAL KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

Jurnal Berwasit Antarabangsa

ISSN: 2225-4609

2014

SAFAR 1435H – RAMADHAN 1435H / JAN - JUN 2014

BIL. 6

- **MEMPERKASAKAN PENGGUNAAN HARTA WAKAF: PENGALAMAN OLEH MAJLISAGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA (MAIWPKL)**
Hydzulkefli Hoshim Omar & Asmak Ab. Rahman
- **PENDIDIKAN DI SEBALIK PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ: SATU ANALISIS KANDUNGAN KITAB-UTAMA HADITH**
Kamarul Azmi Josmi
- **PRINSIP TANGGUNGJAWAB BERSAMA DALAM MASYARAKAT DARI PERSPEKTIF ISLAM**
Sabiruaddin Juli
- **TAFSIR NUR AL-IHSAN OLEH SYEIKH MUHAMMAD SA'ID: SUATU BACAAN INTERTEKSTUAL**
Mohd. Sholeh Sheh Yusuff & Mohd Nizam Sahad
- **TASAWUF SEBAGAI JAWAPAN TERHADAP PERSOALAN KEROHANIAN DAN PEMBENTUKAN SIFAT UMAT DI INDONESIA**
Syamsul Bahri
- **TIUNTITAN BEKERJA DAN KEHIDUPAN BERAGAMA BERDASARKAN PERSPEKTIF ISLAM**
Solahuuddin Abdul Hamid & Che Zarrina Sa'ari

Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam



JURNAL KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WALJAMA'AH
JOURNAL OF UNDERSTANDING OF AHLI AL-SUNNAH WA
AL-JAMA'AH

مجلة بحوث أهل السنة والجماعة

PENAUNG/PATRON/الراعي

Yang Berhormat
Pengiran Dato Seri Setia
Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman
Menteri Hal Ehwal Ugama
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

PENASIHAT/ADVISOR/المستشار

Masnon Ibrahim
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

AHLI-AHLI LEMBAGA PENASIHAT/
MEMBERS OF ADVISORY BOARD/اعضاء الهيئة الاستشارية

Norazlan Zainal
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Othman Ishak
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam

Mohd Kamal Hasan
Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia

Abdul Shukor Husin
Universiti Sains Islam Malaysia
Malaysia

Abdul Monir Yaacob
Universiti Malaya
Malaysia

Sayyed Muhammad Aqiel al-Mahdaly
KUIN, Kedah
Malaysia

SIDANG EDITOR-EDITORIAL BOARD/هيئة التحرير

Ketua/Editor in Chief/رئيس التحرير

Syamsul Bahri Andi Galigo
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Penolong Ketua Editor/Assistant Editor in Chief/

نائب رئيس التحرير

Ariffin Omar
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Sidang Editor/Editorial Board/هيئة التحرير

Aly Mohammed Mansour Eliwa
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Syed Ahmad Syed Hussain
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia

Prof Madya Kunjungan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Ismail Yussof
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia

Prof Madya Kunjungan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Andi Aderus
UTN Alauddin
Indonesia
Pensyarah Kunjungan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Harapandi Dahri
STAIN Al-Aqidah Al-Hasyimiyah
Indonesia
Pensyarah Kunjungan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

SIDANG EDITOR BERSEKUTU/BOARD OF CO-EDITORS/ هيئة

التحرير المشتركة

Mohammed Hussain Ahmad
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam

Sulaiman Ibrahim
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam

Moh. Ali Aziz
IAIN Sunan Ampel
Indonesia

Mohd Fauzi Hlmat
Universiti Malaya
Malaysia

Mudaseir bin Rosder
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia

Anis Malek Toha
IUM Malaysia
Malaysia

Ismail Abdullah
IUM Malaysia
Malaysia

Hamid Fahmy Zarkasyi
ISITD Gontor
Indonesia

Ahmad F. Youwif
ISTAC, IUM
Malaysia

Adnan Suemae
Yala Islamic University
Thailand

Muhammad Yusof Khalid
Universiti Sains Islam Malaysia
Malaysia

Hamzah Harun al-Rasyid
UIN Alauddin, Makassar
Indonesia

PEMBACA PRUF/PROOF READER/المراجعة اللغوية

U! Rashid Yousif Mohammed Abbas
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

PENTERJEMAH-TRANSLATOR/المترجم

Abdullah Ramzy Ali Abdullatif Ahmed
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Falilnesa Mohamed Artan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

SETIAUSAILA/SECRETARY: السكوتير

Mohammad Muslihuddin Syah Mustafa
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Julia Radin
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

KANDUNGAN/CONTENTS

ARTIKEL MELAYU/MALAY ARTICLE	HALAMAN/PAGE
● MEMPERKASAKAN PENGGUNAAN HARTA WAKAF: PENGALAMAN OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA (MAIWPKL) <i>Ilydzulkifli Hoshini Omar & Asmah Ab. Rahman</i>	1
● PENDIDIKAN DI SEBALIK PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ: SATU ANALISIS KANDUNGAN KITAB UTAMA HADITH <i>Kamarul Azmi Jasmi</i>	27
● PRINSIP TANGGUNGJAWAB BERSAMA DALAM MASYARAKAT DARI PERSPEKTIF ISLAM <i>Sabiruddin Juti</i>	59
● TAFSIR NUR AL-IHSAN OLEH SYEIKH MUIHAMMAD SA'ID: SUATU BACAAN INTERTEKSTUAL <i>Mohd Sholeh Sheh Yusuff & Mohd Nizam Sahad</i>	77
● TASAWUF SEBAGAI JAWAPAN TERHADAP PERSOALAN KEROHANIAN DAN PEMBENTUKAN SIFAT UMAT DI INDONESIA <i>Syamsul Bahri</i>	103
● TUNTUTAN BEKERJA DAN KEHIDUPAN BERAGAMA BERDASARKAN PERSPEKTIF ISLAM <i>Solahuddin Abdul Hamid & Che Zarrina Sa'ari</i>	131

Daripada Editor:

Alhamdulillah, syukur ke hadirat Allah *Subhanahu Waa'ala* di atas Rahmat dan limpah Kurun-Nya jua. Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dapat menerbitkan jurnal *Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah*, Bil. 6 yang merupakan sebuah Jurnal Berwasiat Antarabangsa. Jurnal ini memuatkan 10 buah artikel berkaitan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah yang merangkumi acedrah, syarai, akhlaq, tafsir, hadith, da'wah, falsafah dan sebagainya.

Semoga dengan penerbitan jurnal *Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah*, Bil. 6 ini dapat menambah lagi bahan bacaan dan kajian ilmiah serta meningkatkan lagi ilmu pengetahuan, khususnya yang berhubung kait dengan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.

Sekian.

Artikel Bahasa Melayu

Rupa Taip Teks: *Times New Roman*
Saiz Taip Teks : 12 point

Artikel Bahasa Arab

Rupa Taip Teks: *Traditional Arabic*
Saiz Taip Teks : 16 point

Penerbit

Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah

Dengan kerjasama

Pusat Penerbitan,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri
Bagawan,
Kau2, Jalan Raja Isler, Pengiran Anak Saleha,
BA2111,
Kerem Hutan Darussalam.

Tel: +(673) 2236277

Fax: +(673) 2227226

Laman Semawang: www.kupu-sb.edu.bn

Ditetak oleh:

Syarikat Percetakan Ray

Perenca Kulit:

Syarikat Percetakan Ezy

Semua hak cipta © 2015 terpelihara oleh KUPU SB. Tiada mana-mana bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diterjemahkan, disimpan dalam sistem data, atau dibantu dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu. Penerbit berhak membuat penyuntingan ke atas artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

PRINSIP TANGGUNGJAWAB BERSAMA DALAM MASYARAKAT DARI PERSPEKTIF ISLAM

Sabiruddin Juli¹

Abstract

Islam exhorts man to fulfil his mutual obligations in life based on ukhuwah and trust, which are in keeping with the decree of Allah. Mutual responsibility is defined as collectively helping one another and as a matter of fact, the act of responsibility begun in the family unit itself. So when every single Muslim collaborates with each other in society, he has actually carried out his Islamic duty towards establishing peace and harmony in Islam. Every individual is entrusted with the duty to eradicate the misdeeds that he sees before him as well as the moral depravity that plagues society. The form of joint responsibility required in Islam most probably rests on the notion of working together for the greater good and benefits for all to preserve the dignity and humanitarian value of every individual, alongside assuring a Islamic society that will continue to lend a helping hand, stay stable and strong. This article thus strives to strike a chord in the hearts and attention of the readers to revert to takaful because of its capacity to safeguard the welfare of the individual and society of Islam and gaining Allah's continued protection and guidance.

Keyword: Responsibility; Society; Islamic.

¹Fakulti Dakwah, Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol, Padang, Indonesia.

Pendahuluan

Mengutip pendapat Hasan al-Bannā (1978:56), beliau memperkatakan bahawa salah satu prinsip dasar kehidupan yang harus terdapat dalam setiap individu masyarakat Islam ialah prinsip tanggungjawab bersama atau takaful dalam kalangan para anggotanya. Takaful dari segi bahasa bermakna *ta'āwun* dalam konteks ini bererti sesuatu diri disatukan kepada diri yang lain supaya diri itu menjadi kuat dengan penyatuan berkenaan ketika diperlukan. Al-Aṣfahām (1961:76), ikut memperkatakan bahawa dari sudut itu *Takaful*, bermakna setiap individu yang berkemampuan mengikat atau melibatkan diri dalam masyarakat terikat atau bertanggungjawab untuk membantu individu lain yang memerlukan. Seterusnya (Jamāl al-Dīn Muḥammad Maḥmūd 1992:147), mengemukakan Islam mengakui keberadaan prinsip tanggungjawab bersama ini dalam apa jua bentuk rupa serta menganggapnya sebagai dasar yang kuat untuk masyarakat, kerana sesebuah kehidupan di mana setiap individu terus menikmati kebebasan mutlak yang tidak terbatas, perasaan seperti ini sudah cukup untuk menghancurkan masyarakat dan juga individu itu sendiri. Menurut Abdul Aziz Amin dalam buku *Fiqh Dakwah* (2000:101), masyarakat Islam sebenarnya mempunyai satu kepentingan tertinggi di mana kebebasan individu akan terhenti di sana.

Ajaran Islam amat peduli terhadap individu Muslim dan masyarakat, tetapi ia lebih mengutamakan masyarakat dari kepentingan individu, kerana ia berusaha menhadkan kuasa individu jika individu menyalahgunakan kuasanya dengan membahayakan orang lain atau kuasanya bertentangan dengan kepentingan umum. Hak hak individu dalam Islam merupakan anugerah Ilahi yang dihadkan dengan mengambil kira kepentingan umum serta tidak membahayakan orang lain. Sekalipun Islam mengakui akan hak individu tetapi ia tidak menganuti individualisme. Perasaan atau kelakuan seseorang yang mengutamakan

kepentingan diri sendiri (*Kamus Dwi Bahasa* 1985:624). Dr. al-Būtī (1984:21) memperkatakan bahawa mengingkari individualisme Islam berhasrat supaya individu itu dijauhkan dari bahaya dan risikonya, seperti perasaan kepentingan diri menguasai tindak-tanduk dan hala tuju individu menyukarkan keteguhan mereka dan tujuan mereka ke arah satu matlamat yang besar. Seterusnya Dr. Jamāl al-Dīn Muhammad Mahmūd (1992:148) turut mengatakan, ini sebabnya kenapa individu dalam jemaah dilihat oleh Islam sebagai satu unit yang berinteraksi dengan yang lain, mengambil dan memberi yang mempunyai kebebasan yang terkawal dan terpimpin.

Pemisah-Pemisah yang Menentukan Kebebasan Individu

Mengikut Abdurrahman (1994:145), mengemukakan bahawa pemisah-pemisah yang menentukan kebebasan individu dalam jemaah Islam itu adalah pemisah-pemisah di antara halal dan haram, kerana yang halal mengikut Islam seperti yang diperkatakan Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (1992:201) ialah apa yang berguna kepada individu atau kepada umum dan ia berguna kepada orang lain bersama individu itu dalam masyarakat. Dan sebaliknya yang haram itu ialah apa yang merupakan ancaman kepada individu atau kepada umum dan ia berbahaya kepada orang lain bersama individu itu dalam masyarakat.

Syeikh Abdullah Darraz (1990), mengemukakan bahawa syariat yang terpelihara ini kewajibannya tidak dicipta secara rambang kerana semata-mata hendak meletakkan orang ramai dibawah kuasa agama. Malah ia dicipta untuk mencapai matlamat-matlamat penciptanya iaitu kebaikan-kebaikan sebenar mereka tercapai dalam agama dan juga dunia (al-Shātibī t.th:3). Ini mencerminkan satu visi yang realistik dan satu kesedaran yang penuh insaf bahawa kewujudan dan keseimbangan mana-mana kehidupan sosial akan bermakna bahawa di sana ada

beberapa syarat dan akuntabiliti di mana anggota-anggota masyarakat akan saling bertukar fikiran dan ada beberapa kewajiban dan hak yang menguatkan keberkesanan kesedaran mereka terhadap kewujudan bersama diantara mereka. Meskipun hal ini penting dan bermakna kata Abu Zahra (1994:123) tetapi untuk mencapainya individu memerlukan mujahadah yang akan mengeluarkan dari litaran diri dalam pemikiran, perilaku dan perasaan kepada litaran pengakuan terhadap kewujudan orang lain, bersimpati dengan mereka serta bertukar-tukar kepentingan dan sama sama berpaut rapat demi untuk terus hidup survival (Albahi 1976:79).

Menyedari kepertuan dimensi-dimensi dan kepayahan mujahadah tersebut, Islam menghubungkaitkan dengan keimanan kepada Allah *Subhānahu Wata'ālā* serta menjadikannya sebahagian dari keimanan ini. Islam juga menjadikannya satu ujian yang mengemukakan hakikat keyakinan yang menjamin Mujahadah tersebut akan tercapai. Setelah itu baru Islam menggunakan pendekatan menerapkan kesedaran orang ramai terhadap signifikansi dan betapa pentingnya kehidupan bersama (*co-existence*) menerusi apa yang diterangkan oleh al-Qur'an. Al-Qur'an menerangkan bahawa kemanusiaan itu pada asalnya bersumber dari satu sumber iaitu Allah *Subhānahu Wata'ālā* serta berasal dari dari satu diri yang darinya dicipta pasangannya. Menerusi pasangan ini terbentuk sebuah keluarga yang terdiri dari suami dan Isteri. Dengan ini, Islam menerapkan ke dalam diri umat manusia akan perasaan kesamaan asal usul mereka kerana kesan positif yang ada padanya yang bakal mencetuskan minat dalam kalangan umat Islam untuk bekerjasama.

Jika tidak, kenapa tidak saja Tuhan menciptakan sejak awal-awal lagi sebilangan laki-laki dan wanita yang ramai serta mengahwinkan mereka lalu terjadilah keluarga yang banyak di sana sini yang tidak ada langsung hubungan darah di antara mereka sejak mula lagi. Cuma walaupun ada

hubungan ini ia hanya hubungan pertama, iaitu mereka semua bersumber dari *Iradat* pencipta yang Maha Esa, tetapi Allah *Subhānahu Wataʿālā* mahu melipatgandakan lagi hubungan-hubungan ini lalu dimulainya daripada hubungan ketuhanan yang ia merupakan hubungan pokok dan pertama kemudian baru disusuli dengan hubungan darah. Dengan itu, tegak keluarga dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan kedua-duanya berasal dari satu diri dan satu tabii (Saʿīd Qutb, 1986:574-575).

Itu adalah satu tasawwur yang mencetuskan kesannya di dalam hati kecil individu dengan sebab perasaan kesatuan yang dicetuskan dalam diri individu yang membuat lebih responsif kepada kerjasama dan perpaduan sejajar dengan hubungan-hubungan fitrah pertama yang tersebut. Dalam hal ini, al-Ghazālī (1980:32) mengemukakan bahawa Islam merencanakan secara praktikal untuk menjadikan prinsip tanggungjawab bersama itu satu realiti yang amali yang membuat masyarakat bertambah bahagia dan aman dengan menentukan untuk setiap individu Muslim kesucian yang harus dipandang mulia. Islam juga menentukan baginya hak yang wajib ditunai serta mengenakan ke atasnya kewajiban yang harus dilakukannya terhadap orang lain. Hal ini dapat dilihat sebagai contohnya dalam firman Allah dalam surah al-Anʿām ayat 151 sebagai berikut.

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّيَ عَلَيْكُمْ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْتُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

beberapa syarat dan akuntabiliti di mana anggota-anggota masyarakat akan saling bertukar fikiran dan ada beberapa kewajiban dan hak yang menguatkan keberkesanan kesadaran mereka terhadap kewujudan bersama diantara mereka. Meskipun hal ini penting dan bermakna kata Abu Zahra (1994:123) tetapi untuk mencapainya individu memerlukan mujahadah yang akan mengeluarkan dari litaran diri dalam pemikiran, perilaku dan perasaan kepada litaran pengakuan terhadap kewujudan orang lain, bersimpati dengan mereka serta bertukar-tukar kepentingan dan sama sama berpaut rapat demi untuk terus hidup survival (Albahi 1976:79).

Menyedari keperluan dimensi-dimensi dan kepayahan mujahadah tersebut, Islam menghubungkan dengan keimanan kepada Allah *Subhānahu Wata'ālā* serta menjadikannya sebahagian dari keimanan ini. Islam juga menjadikannya satu ujian yang mengemukakan hakikat keyakinan yang menjamin Mujahadah tersebut akan tercapai. Setelah itu baru Islam menggunakan pendekatan menerapkan kesadaran orang ramai terhadap signifikansi dan betapa pentingnya kehidupan bersama (*co-existence*) menerusi apa yang diterangkan oleh al-Qur'an. Al-Qur'an menerangkan bahawa kemanusiaan itu pada asalnya bersumber dari satu sumber iaitu Allah *Subhānahu Wata'ālā* serta berasal dari dari satu diri yang darinya dicipta pasangannya. Menerusi pasangan ini terbentuk sebuah keluarga yang terdiri dari suami dan isteri. Dengan ini, Islam mencrapkan ke dalam diri umat manusia akan perasaan kesamaan asal usul mereka kerana kesan positif yang ada padanya yang bakal mencetuskan minat dalam kalangan umat Islam untuk bekerjasama.

Jika tidak, kenapa tidak saja Tuhan menciptakan sejak awal-awal lagi sebilangan laki-laki dan wanita yang ramai serta mengahwinkan mereka lalu terjadilah keluarga yang banyak di sana sini yang tidak ada langsung hubungan darah di antara mereka sejak mula lagi. Cuma walaupun ada

hubungan ini ia hanya hubungan pertama, yaitu mereka semua bersumber dari *Iradat* pencipta yang Maha Esa, tetapi Allah *Subhānahu Wataʿālā* mahu melipatgandakan lagi hubungan-hubungan ini lalu dimulainya daripada hubungan ketuhanan yang ia merupakan hubungan pokok dan pertama kemudian baru disusuli dengan hubungan darah. Dengan itu, tegak keluarga dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan kedua-duanya berasal dari satu diri dan satu tabii (Saʿīd Qutb, 1986:574-575).

Itu adalah satu tasawwur yang mencetuskan kesannya di dalam hati kecil individu dengan sebab perasaan kesatuan yang dicetuskan dalam diri individu yang membuat lebih responsif kepada kerjasama dan perpaduan sejajar dengan hubungan-hubungan fitrah pertama yang tersebut. Dalam hal ini, al-Ghazālī (1980:32) mengemukakan bahawa Islam merencanakan secara praktikal untuk menjadikan prinsip tanggungjawab bersama itu satu realiti yang amali yang membuat masyarakat bertambah bahagia dan aman dengan menentukan untuk setiap individu Muslim kesucian yang harus dipandang mulia. Islam juga menentukan baginya hak yang wajib ditunai serta mengenakan ke atasnya kewajiban yang harus dilakukannya terhadap orang lain. Hal ini dapat dilihat sebagai contohnya dalam firman Allah dalam surah al-Anʿām ayat 151 sebagai berikut.

فَلْيَتَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّيَ عَلَيْكُمْ عَلَىٰ كُفْرِكُمْ أَن تَقْرُبُوا بِهِ ۚ سَبِيحًا ۖ وَيَأْتُوا الْبَنِينَ
 إِحْسَانًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ ۖ مِنْ أَمَلْتُمْ أَن يُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۚ إِنَّكُمْ تَرْتَفِكُمْ وَأَيْسَاهُمْ ۚ وَلَا
 تَقْرَبُوا أَمْوَالَهُمْ مِمَّا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۚ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي
 حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْتُكُمْ بِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Tafsirnya:

Katakanlah: Marilah aku bacakan apa yang diharamkan oleh Tuhan kamu ke atas kamu, yaitu: janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu pun dan berbuat baiklah kepada ibu bapa dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana (takutkan) kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang mengurniakan rezeki kepada kamu dan kepada mereka, dan janganlah kamu mendekati perbuatan keji sama ada yang terang mahupun yang tersembunyi. Janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan haq (dibenarkan oleh syarak). Demikian itulah Allah memerintahkan kamu supaya kamu memikirkannya (*al-Qur'an*, al-An'ām 6:151).

Sebab yang benar ini maksudnya yang dibenarkan oleh syarak seperti qisas membunuh orang murtad, rejan dan sebagainya. Apa yang digariskan Allah *Subhānahu Wata'ālā* dalam surat dan ayat tersebut sebagai garis panduan orang yang beriman telah dipanggil oleh Allah *Subhānahu Wata'ālā* sebagai sebatang jalan lurus yang harus dilalui dan dituruti. Jalan lain yang bukan jalannya hendaklah dijauhi sekiranya masyarakat itu mahu terus hidup dan hubungan anggota anggotanya terus jernih, murni, bersatu dan teguh yang tidak mudah tergugat dalam menghadapi peristiwa hidup. Maksudnya supaya kamu bertaqwa kepada Allah *Subhānahu Wata'ālā* dalam perjalanan kamu itu dengan mengelak segala bahaya dan puncak kelinaan. Itu semua hanya terdapat dalam perpecahan, perkelahian, faham individualisme dan egoisme. Islam begitu berkesungguhan menjaga dasar tanggungjawab bersama jemaah dan kesatuan barisan mereka sehingga ia berpendapat bahawa mereka yang mencuba memecahbelahkan masyarakat serta menerapkan semangat permusuhan dan perpecahan dalam masyarakat hendaklah dihapuskan. Ini menjelaskan kepada umat Islam bahawa para juru kampanye perpecahan adalah musuh

masyarakat Islam yang wajib diperangi. Bumi ini harus dibersihkan dari mereka itu, malahan bahaya mereka itu lebih besar dari bahaya musuh. Kerana mereka itu berusaha supaya masyarakat merasai keperitan dari angkara murka mereka serta mencuba memecahkan ummah kepada beberapa puak yang bercakaran dan berbunuhan sesama sendiri sehingga ummah ini menjadi lemah dalam menghadapi musuh mereka di mana akhirnya nanti mereka dikalahkan oleh golongan-golongan perampas.

Ini sebabnya kenapa al-Qur'an mengungkit-ungkit kepada bangsa Arab bahawa ia telah menyatukan hati-hati mereka dan menambatkan di antara mereka dengan pengikat yang kemas di mana ia mewujudkan dari mereka satu umat yang teguh setelah mereka berpecah dan tidak sehaluan. Al-Qur'an seterusnya menegaskan itu semua dicipta oleh keimanan serta dilakukan oleh Tuhan Rahman dan Nabi *Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam* tidak ada kena mengena dengannya (Sa'id Quth 1986:442).

Bentuk Takaful dalam Masyarakat

Mengikut pendapat Hanafi Ahmad (1980) yang coba mengemukakan berkaitan dengan takaful Islam ialah tanggungjawab bersama antara masyarakat itu yang bermula dari keluarga di mana Islam menyuruh supaya berlaku baik kepada kedua ibu bapa terletak di awal arahan-arahan yang terkandung dalam Manhaj Allah *Subhānahu Wata'ālā*. Kemudian seterusnya disuruh berlaku baik kepada saudara mara iaitu saudara mara yang dekat seterusnya yang jauh, kemudian selanjutnya lingkungan berleluasa dari titik temu tadi kepada golongan lain yang memerlukan penjagaan, pembelaan dan perhatian dalam keluarga insani yang sebenar, lalu disuruh kita berlaku baik terhadap anak-anak yatim dan orang-orang miskin, sekalipun mungkin tempat mereka lebih jauh dari jiran kerana mereka itu lebih memerlukan dan lebih patut diberi penjagaan, kemudian baru jiran yang mempunyai

pertalian darah seterusnya yang tidak mempunyai pertalian darah dengan mereka berdua ini diutamakan dari teman setia, kerana jiran itu sentiasa mendampingi kita, manakala teman setia hanya ditemani sekali sekala, setelah itu baru teman setia, kemudian pengembara yang singgah sebentar serta terputus dari kaum keluarga dan hartanya. Kemudian pula kaum hamba yang terjatuh dalam milik kita namun mereka tetap berhubungkait dengan tali hubungan kemanusiaan terbesar di antara anak-anak Adam seluruhnya (Sa'id Qutb, 1986:660). Hal ini dijelaskan dalam firman Allah dalam surah al-Nisā' ayat 36 sebagai berikut:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
بِالْحَبْطِ وَإِنَّ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَلًا فَاخْوَارًا

Tafsirnya:

Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri (*al-Qur'an*, al-Nisā' 4:36).

Yang dimaksud dengan dekat dan jauh dalam ayat tersebut ada yang mengertikan dengan tempat, hubungan kekeluargaan, dan ada pula antara yang Muslim dan yang bukan Muslim. Seterusnya, Ibn al-Sabil ialah orang yang

dalam perjalanan yang bukan maksiat yang kehabisan bekal, termasuk juga anak yang tidak diketahui ibu bapaknya. Bentuk-bentuk tanggungjawab bersama yang dikehendaki oleh Islam itu berkisar di sekitar kerjasama untuk kebaikan dan demi untuk faedah umum yang memelihara kemuliaan dan nilai kemanusiaan setiap individu serta menjamin bahawa masyarakat terus bantu membantu, teguh dan kuat. Hal ini dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Mā'idah ayat 2-4 sebagai berikut:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَحِلُّوْا سَعْيَكُمْ اِلَيْهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا
 الْقَلَٰٓئِدَ وَلَا ءَامِيْنَ اَلَيْتِ الْحَرَامِ يَتَّبِعُوْنَ فَضْلًا مِّنْ رَبِّهِمْ وِرِضْوَانًا وَاِذَا
 حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوْا وَلَا تَحْرِمُوْكُمْ سَفْحَانُ فَوْمٍ اَنْ صَدُوْكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ
 الْحَرَامِ اَنْ تَعْتَدُوْا وَاَتَعَاوَنُوْا عَلٰى الْبِرِّ وَالْتَقَوٰى وَلَا تَعَاوَنُوْا عَلٰى الْاِثْمِ
 وَالْعَدْوٰى وَاَتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ شَدِيْدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾ حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ
 وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِيْزْرِ وَمَا اٰهَلٌ لِّغَيْرِ اللّٰهِ بِهِ وَالْمُنْحَنِفَةُ وَالْمَوْفُوْدَةُ وَالْمُرْتَدِيَةُ
 وَالنَّطِيْحَةُ وَمَا اَكَلَ السَّبْعُ اِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذِيْحٌ عَلٰى النُّصْبِ وَاَنْ
 تَسْتَفْسِمُوْا بِالْاَزْلَمِ ذٰلِكُمْ فِسْقٌ اَلْيَوْمَ يَپْسَ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا مِنْ دِيْنِكُمْ فَلَا
 تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ اَلْيَوْمَ اَكْمَلْتُ لَكُمْ دِيْنَكُمْ وَاَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِيْ
 وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْاِسْلَامَ دِيْنًا فَمَنْ اَضْطُرَّ فِيْ تَحْتَصُّةٍ غَيْرِ مُتَحَافِيفٍ لِاِثْمٍ فَاِنَّ
 اللّٰهَ غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ ﴿٣﴾ يَسْتَلُوْنَكَ مَاذَا اٰجَلٌ هُمْ قُلْ اٰجَلٌ لَّكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا
 عَلَّمْتُمْ مِنَ الْحَوَارِجِ مُكَلِّبِيْنَ تَعْلَمُوْنَ بِهَا مَا عَلَّمَكُمُ اللّٰهُ فَكُلُوْا مِمَّا اَمْسَكْنَ
 عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اللّٰهَ عَلَيْهِ وَاَتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ سَرِيْعُ الْحِسَابِ ﴿٤﴾

Tafsirnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu melanggar syiar-syiar Allah dan kehormatannya bulan-bulan Haram (bulan-bulan yang dihormati), jangan (menggangu) binatang-binatang hadyu dan binatang-binatang qala'id, serta jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitulharam yang bertujuan mencari limpah kurnia dan keredhaan daripada Tuhan mereka. Tetapi apabila kamu telah bertahlul, maka bolehlah kamu berburu. Dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap suatu kaum yang menghalang-halangi kamu daripada Masjidil Haram itu mendorong kamu melampaui batas (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksanya; Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang mati tanpa disembelih), darah (yang mengalir), daging babi, (binatang) yang disembelih bukan atas nama Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh dari tempat yang tinggi, yang ditanduk, yang diterkam oleh binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya) dan (juga) yang disembelih atas nama berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, kerana itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang yang kafir berputus asa untuk (mengalahkan) agama kamu, maka janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takutlah kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah menyempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah mencukupkan atas kamu nikmatKu dan telah AKu telah meredhai bagi kamu Islam sebagai agama (kamu). Sesiapa yang terpaksa (memakannya) kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih. Mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad): Apakah (makanan)

yang dihalalkan bagi mereka? Katakanlah: Dihalalkan bagi kamu (makanan) yang baik-baik dan (dihalalkan) bagi kamu buruan yang ditangkap) oleh binatang yang telah kamu latih untuk berburu. Kamu melatihnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Maka makanlah daripada apa yang ditangkapnya untuk kamu dan sebutlah nama Allah ke atasnya (ketika kamu melepaskannya untuk berburu). Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah itu sangat cepat hisabNya (*al-Qur'an*, *al-Mā'idah* 5:2-4).

Yang dimaksud dengan syiar Allah ialah segala amalan yang dilakukan dalam rangka ibadat haji dan tempat-tempat mengerjakannya. Seterusnya bulan Haram bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab, Tanah Haram Mekah dan Ihram. Maksudnya ialah dilarang melakukan peperangan di bulan-bulan itu. Manakala binatang unta, lembu, kambing, biri-biri yang dibawa ke kaabah untuk mendekati diri kepada Allah, disembelih di Tanah Haram dan dagingnya dihadiahkan kepada fakir miskin dalam rangka ibadat haji. Binatang hadyu yang diberi kalung, supaya diketahui orang bahawa binatang itu telah diperuntukkan untuk dibawa ke Kaabah. Kurnia ialah keuntungan yang diberikan Allah dalam perniagaan. Keredhaan dari Allah ialah pahala amalan haji. Darah yang keluar dari tubuh, sebagaimana tersebut dalam surah *al-An'ām* ayat Binatang yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang diterkam binatang buas adalah halal kalau sempat disembelih sebelum mati. Al Azlaam ertinya anak panah yang belum pakai bulu. Orang Arab Jahiliyah menggunakan anak panah yang belum pakai bulu untuk menentukan apakah mereka akan melakukan suatu perbuatan atau tidak. Caranya ialah mereka ambil tiga buah anak panah yang belum pakai bulu. Setelah ditulis masing masing iaitu dengan lakukanlah, Jangan lakukan, sedang yang ketiga tidak ditulis apa-apa, diletakkan dalam

sebuah tempat dan disimpan dalam Kaabah. Bila mereka hendak melakukan sesuatu, maka mereka meminta supaya juru kunci Kaabah mengambil sebuah anak panah itu. Terserahlah nanti apakah mereka akan melakukan atau tidak melakukan sesuatu, sesuai dengan tulisan anak panah yang diambil itu. Kalau yang terambil anak panah yang tidak ada tulisannya, maka undian diulang sekali lagi. Yang dimaksud dengan hari ialah masa, iaitu masa haji wada, haji terakhir yang dilakukan oleh Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Dibolehkan memakan makanan yang diharamkan oleh ayat ini jika terpaksa. Binatang buas itu dilatih menurut kepandaian yang diperolehnya dari pengalaman, fikiran manusia dan ilham dari Allah tentang melatih binatang buas dan cara berburu. Buruan yang ditangkap binatang buas semata-mata untukmu dan tidak dimakan sedikitpun oleh binatang itu. Di waktu melepaskan binatang buas itu disebut nama Allah sebagai ganti binatang buruan itu sendiri menyebutkan waktu menerkam buruan.

Bekerjasama demi kerja amal dan taqwa, kerjasama untuk kebajikan itu biasanya dengan kerja yang positif sementara kerjasama untuk taqwa itu ialah dengan mengelak dan meninggalkan kerja-kerja mungkar. Kebajikan dalam ayat ini ialah mencurahkan apa jua kebaikan, manakala taqwa pula ialah melindungi diri dan masyarakat dari persoalan berbahaya serta mengelak sesuatu kemudaratan dalam apa jua bentuk berpandukan firman Allah setelah ayat ini yang menguatkannya lagi ma'hum dari ayat 2 surah al-Ma'idah dan janganlah bekerjasama untuk dosa dan permusuhan. Kerjasama di antara individu ialah satu kewajiban untuk kepentingan jemaah dalam batas-batas kerja amal dan kebaikan di mana setiap individu akan bertanggungjawab terhadap usaha menganjur kepada kebaikan. Jika ia tidak melakukannya akan berdosa dia dan dihukum di atas dosanya itu (Sa'id Qutb 1958:65).

Setiap individu itu ditugaskan menghapus kemungkaran yang disaksikannya, begitulah setiap individu harus bertanggungjawab terhadap kemungkaran yang terjadi dalam masyarakat sekalipun ia tidak terlibat dalam kemungkaran itu, kerana umat Islam merupakan satu kesatuan dan kemungkaran itu membahayakannya. Setiap individu berkewajiban mempertahankan dan melindungi umat ini (Abdullah Ghausah 1976:11). Islam menggariskan landasan-landasan tanggungjawab bersama untuk jemaah beriman di mana mereka dikehendaki bergerak di atasnya dengan menggesa mereka membina dan menjaga binaan ini serta melindunginya dari serangan luar dengan penuh rasa tanggungjawab bersama. Kerjasama dalam kebajikan itu merupakan satu kerjasama demi untuk pembinaan dan kestabilan kehidupan ummah. Ia juga merupakan kerjasama untuk menumpaskan perkelahian dan permusuhan kerana Islam hanya mahu pembinaan dan kerjasama berfaedah untuk kebaikan jemaah beriman dan kesejahteraan manusia sejagat. Permintaan Islam supaya mereka bekerjasama dan saling bertanggungjawab digariskan dalam litaran yang positif, iaitu mereka tidak melampau kepada dosa dan permusuhan yang akan menyebabkan keruntuhan dan kecelakaan. Islam mengemukakan supaya umat Islam mempertahankan martabat dan maruah mereka dengan rasa tanggungjawab bersama dan perpaduan. Oleh itu, jika jemaah yang beriman kepada Allah diperangi oleh satu kelompok yang bukan beriman adalah menjadi kewajiban jemaah beriman membalas serangan ini. Mereka wajib memerangi orang-orang yang memerangi mereka, tetapi kewajiban membalas serangan dengan rasa tanggungjawab bersama dan perpaduan ini hendaklah bermotifkan menjaga matlamat-matlamat jemaah mereka, iaitu ia hendaklah bermatlamatkan *fi Sabil Allah* umat Islam juga bertanggungjawab melindungi golongan jemaah yang lemah serta menjaga kepentingan mereka tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Bahkan umat Islam wajib

berperang jika perlu untuk melindungi mereka itu (Jamāl al-Dīn Muhammad Maḥmūd: 164).

Di antara bentuk-bentuk tanggungjawab bersama yang bersifat materialistik dalam Islam ialah kewajiban melihat zakat sebagai satu penyelesaian yang berjaya kepada masalah keperluan dan kelemahan dengan mencipta beberapa peraturan yang mengawasi penyaluran zakat ke arah mencapai dasar tanggungjawab bersama melalui jalan yang paling jujur (Albahrī 1982:303). Sungguhpun zakat itu satu kefardhuan yang materialistik sifatnya namun Islam menghubungkannya dengan pokok keimanan dan menjadikannya ibadah suci dan upacara agama yang tinggi, membuatnya satu amalan yang mencerminkan keimanan yang memenuhi hati. Itu semua ialah untuk menekankan betapa pentingnya peranannya dalam menjelmakan dasar tanggungjawab bersama dalam kalangan jemaah. Andai kata zakat ini tidak dapat memenuhi matlamat ini masih ada lagi dalam harta hak-hak yang selain dari zakat. Satu bahagian dari kesalahan-kesalahan yang sering terjadi dapat diganti dalam Islam dengan sedekah yang diberikan kepada fakir miskin. Kesalahan membatalkan sumpah dapat diganti dengan sedekah, sebahagian besar jenis-jenis yang membatalkan puasa Ramadhan dapat diganti dengan sedekah.

Orang yang makan dengan sengaja di siang hari bulan Ramadhan wajib mengqadha' puasanya serta mengkaffarahkan kesalahan itu. Orang tua yang daif pesakit kronik dan mereka yang semisal dengan itu wajib membayar fidyah saja. Fidyah dan kaffarah itu masing-masing berupa bersedekah kepada fakir miskin dengan kadar tertentu dari hasil tanaman atau nilainya. Kesalahan Zihar juga akan dihapuskan oleh sedekah sekiranya si pelakunya ingin merujuk kepada isterinya. Begitu juga ada beberapa upacara haji yang dapat diganti dengan sedekah. Terdapat juga dalam Islam apa yang dinamakan denda seperti denda kesalahan membunuh dengan sengaja atau

separa sengaja. Denda seperti ini tidak syak dapat menampung keperluan keluarga mangsa yang hilang tempat pergantungan mereka (Jamaluddin 1992:161).

Penutup

Dengan itu jelas bahawa takaful dalam Islam berdasarkan ukhuwah dan kehidupan bersama dengan aman dan amat ditentukan oleh Islam. Ini cara menangani masalah kepercangaan masyarakat yang dapat diingatkan dan dipusatkan kepada tiga cara yang utama:

1. Berkaitan dengan diri peribadi individu itu sendiri, iaitu ia wajib bekerja bila berpeluang. Masyarakat dan negara wajib membantunya dengan wang atau latihan sehingga ia mendapat pekerjaan yang sesuai.
2. Berkaitan dengan jemaah Islam yang membantu golongan miskin kerana melaksanakan kewajiban atau kerana menginginkan pahala di sisi Allah *Subhānahu Wata'ālā*. Bantuan itu dapat berupa:
 - a. Pembiayaan oleh saudara mara.
 - b. Menjaga hak-hak kejiwaan.
 - c. Mengeluarkan zakat yang diwajibkan jika negara Islam tidak memungutnya.
 - d. Menunaikan hak-hak yang tidak diduga dalam harta seperti kaffarah, nazar, membantu orang yang terdesak, menampung yang memerlukan dan lain-lain.
 - e. Sedekah sunat sementara, atau tetap seperti wakaf kebajikan.
3. Berkaitan dengan kerajaan Islam yang diwajibkan oleh syarak supaya menampung keperluan yang memerlukan yang hilang sumber rezeki dan tempat pergantungan seperti orang Islam atau bukan Islam selagi ia berada dibawah jagaan negara Islam. Sumber-sumber bantuan kerajaan ialah:

- a. Zakat, yaitu sumber utama tetap perbendaharaan Islam dalam menangani masalah kemiskinan.
- b. Sumber-sumber lain seperti satu perlima harta rampasan perang, harta Faik, cukai Jizyah, barang-barang hilang, harta pusaka tanpa waris dan apa yang dihasilkan oleh tanah dan estet milik kerajaan.
- c. Sumber sumber tambahan seperti cukai tambahan yang dikenakan kepada golongan kaya bagi menampung keperluan golongan miskin jika zakat atau sumber-sumber lain tidak mencukupi (al-Qarḡāwī 1980:126).

Rujukan

al-Qur'an.

- °Abd al-Rahmān bin Hāsan Āli al-Shaykh. 1977. *Fath al-Majīd*. al-Makīnah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Baiquni. 1990. Fisika dan Al-Qur'an. *Ulumul Qur'an* 4.
- Al-Baiquni. 1989. *Teropong Islam Terhadap Ilmu Pengetahuan*. Solo: Ramadhani.
- A. Hanafi. 1991. *Teologi Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- °Abd al Karīm Zaydān. 1980. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*. Terj. Asywadi Syukur. t.tp.: Media Dakwah.
- Abdullah Ghaushah. 1976. *al-Jihād Tariq al-Nasr*. Bangi: Nota Kuliah Jihad Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abū Ishāq Shāḥibī. t.th. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Abū Lubābah Husayn. 1979. *Mawqif al-Mu'tazilah min al-Sunnah al-Nabawiyah*. Riyād: Dār al-Liwā' li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Abū Muḥammad bin Ḥazam, 1320H. *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Nihal*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Baghḍādī, °Abd al-Qāhir. 1981. *Kitāb Uṣūl al-Dīn*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Islāmiyah.
- al-Bukhārī, Abī °Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardazbah. 1349H. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Miṣr: al-Maktabah al-Bahiyah.
- al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. 1984. *al-Islām, malādh Kull Mujtama'āt al-Insāniyah: Limādhā? wa kayfā?* Cet. I. Dimashq: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Tawzī' wa al-Nashr.
- Jamāl al-Dīn Muḥammad Maḥmūd. 1992. *Uṣūl al-Mujtama' al-Islāmī*. Cet. I. al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Miṣrī.
- Kamus Dwi Bahasa*. 1985. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad al-Bahī. 1982. *Mushkilāt al-Ushrah wa al-Takāful*. Cet. 3. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad al-Bahī. 1976. *al-Qur'ān wa al-Mujtama'*. Cet. 1. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Fu'ād 'Abd al-Baqī. 1992. *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*. Bayrūt: Dār al-Fikr. -
- Muhammad Salam Madkūr. 1968. *al-Islām wa al-Ushrah wa al-Mujtama'*. Cet. 1. al-Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyah.
- Sabiruddin Juli. 2005. Dakwah Melalui Cetak. *Jurnal al-Hikmah*.
- Sabiruddin Juli. 2008. Dakwah Melalui Media Penerbitan: Kajian Kes Penerbit Mizan Bandung. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabiruddin Juli. 2009. *Dakwah Melalui Media Surat Khabar, Majalah dan Tabloid: Kajian Kes Media Cetak Islam*. Padang: Pusat Penelitian, IIN Imam Bonjol.
- Sabiruddin Juli. 2010. Hamka: Model Tokoh Pendakwah Serantau. Kertas kerja Seminar Antarabangsa. Kolej Universiti Insaniah Kedah Darul Aman Malaysia.
- Sabiruddin Juli. 2010. Penerapan Manajemen Syuro dalam Organisasi Dakwah. *Jurnal Jurusan Manajemen Dakwah*.
- Sabiruddin Juli. 2010. Peranan Dakwah dalam Reformasi Sosial. *Jurnal Jurusan Pengembangan Masyarakat Islam*.
- Sabiruddin Juli. 2010. Pola Dakwah dengan Menggunakan Media Organisasi Menurut al-Qur'an. *Jurnal Jurusan Manajemen Dakwah*.
- Sa'īd Quṭb. 1986. *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Cet. 12. Bayrūt: Dār al-Shurūq.